

14 MAR 1996

Mahathir-Howard '''

MAHATHIR DAN HOWARD BERTEMU DI BRISBANE

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 14 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan singgah di Brisbane pada 29 Mac ini dalam perjalanan pulanginya dari New Howard.

Menteri Luar Australia Alexander Downer pula akan menemui Dr Mahathir apabila Perdana Menteri singgah di Darwin pada 25 dalam perjalannya ke New

Dalam satu kenyataan hari ini, Howard berkata beliau tertunggu-tunggu untuk menyambut Dr Mahathir kepada Australia.

"Saya amat menghargai peluang bertemu Dr Mahathir dan mendapatkan pandangan beliau ketika saya baru saja menjadi Perdana Menteri.

"Perbincangan kami akan meliputi pelbagai perkara mengenai hubungan dua hala serta isu-isu serantau dan dunia untuk kepentingan bersama," kata beliau dalam kenyataan itu yang dikeluarkan di Sydney.

Howard berkata bahawa sebaik saja mengangkat sumpah minggu ini, beliau telah menjemput Dr Mahathir kerana "pada peringkat awal tempoh kerajaan campuran Liberal, penting sekali hubungan dijalin di peringkat tertinggi antara Australia dan Malaysia."

"Seperti yang saya tegaskan semasa kempen pilihan raya, adalah perlu dipilih satu kerajaan campuran untuk meneruskan hubungan kukuh antara Australia dan negara-negara di rantau ini," katanya.

Downer pula memberitahu pemberita di Canberra bahawa pertemuan dengan Dr Mahathir dapat menafikan dakwaan bekas Perdana Menteri Paul Keating kononnya pemimpin-pemimpin Asia enggan berurusan dengan orang seperti Howard atau Timbalan Perdana Menteri Tim Fischer.

Downer berkata bekas Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Luar Richard Woolcott telah ke Kuala Lumpur sebagai utusan khas kerajaan Howard untuk membantu mengatur pertemuan di Brisbane itu.

Hubungan Malaysia dengan Australia menjadi tegang pada 1993 selepas Keating menganggap Dr Mahathir "keras kepala" setelah pemimpin Malaysia itu enggan menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Keating bagaimanapun memulihkan keadaan apabila beliau melawat Kuala Lumpur Januari lepas.

Kali terakhir Dr Mahathir melawat Australia ialah pada 1984 untuk merasmikan bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan juga bertemu Perdana Menteri ketika itu Bob Hawke.

Menurut satu laporan AAP (Australian Associated Press), nampaknya terdapat persaingan hari ini antara Howard dan Downer untuk mengumumkan kedatangan Dr Mahathir itu, yang disifatkan sebagai satu "kejayaan diplomatik" bagi Howard.

Downer menetapkan 3.15 petang untuk persidangan akhbarinya bagi mengumumkan satu "pencapaian bermakna" dalam hubungan dengan Malaysia tetapi ditunda sejeurus sebelum ianya dijadual bermula.

Howard kemudian mengumumkan kedatangan Dr Mahathir itu kepada pihak akhbar di Sydney pada 4 petang, menyebabkan Downer akhirnya mengadakan persidangan akhbarinya pada 4.30 petang. -- BERNAMA

NDC SJ MAI